

GARIS PANDUAN BAGI PEMBAYARAN FI PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN (PL) BAHARU, PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PL DAN PEMULANGAN SEMULA YURAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN PELATIH OLEH PL DI DALAM TEMPOH ARAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) SEDANG BERKUAT KUASA

1.0 Tujuan

- 1.1 Tujuan garis panduan ini dikeluarkan bagi menerangkan tatacara pembayaran oleh PL bagi pembayaran fi pendaftaran PL baharu dan pembaharuan pendaftaran PL di peringkat Cawangan Pendaftaran & Penentusahan serta pemulangan semula yuran pinjaman latihan kemahiran pelatih oleh PL di peringkat Cawangan Penguatkuasaan.
- 1.2 Garis panduan ini juga menerangkan proses pengesahan bayaran di dalam tempoh PKP berkuat kuasa.

2.0 Syarat-syarat Pembayaran

- 2.1 Pembayaran fi boleh dilakukan oleh PL sekiranya ingin membuat pendaftaran PL baharu atau pembaharuan pendaftaran PL atau menerima arahan melalui surat tuntutan bayaran balik yuran latihan pelatih daripada PTPK.
- 2.2 Tiada pembayaran boleh dilakukan sekiranya tiada arahan pembayaran iaitu surat tuntutan pemulangan bayaran balik yuran pinjaman latihan kemahiran pelatih dikeluarkan oleh PTPK.

3.0 Kaedah Pembayaran

- 3.1 PL dikehendaki membuat pembayaran melalui dua (2) kaedah:-
 1. Pindahan Perbankan Internet; atau
 2. Pembayaran melalui kaunter bank
- 3.2 Pembayaran hendaklah dibayar terus ke akaun bank PTPK seperti maklumat di bawah

Bil	Jenis Bayaran	Jenis Bank	No Akaun Bank
1	Bayaran Fi bagi pendaftaran PL baharu / pembaharuan pendaftaran PL	CIMB	8000492462
2	Tuntutan Pemulangan Bayaran Balik Penguatkuasaan	CIMB	8000495918

- 3.3. Jumlah bayaran adalah secara penuh (*lump sum*) mengikut nilai pembayaran yang dikeluarkan oleh PTPK. Dilarang membuat pembayaran secara pecah kecil.

4.0 Pemakluman Bayaran Oleh PL

4.1 PL hendaklah mengemukakan pemakluman pembayaran yang telah dilakukan dalam tempoh 24 jam secara mel elektronik kepada PTPK melalui alamat emel seperti di bawah:-

Bil	Jenis Bayaran	Alamat Email
1	Bayaran Fi pendaftaran PL baharu / pembaharuan pendaftaran PL	bayaranfi@ptpk.gov.my
2	Tuntutan pemulangan bayaran balik yuran latihan kemahiran oleh Cawangan Penguatkuasaan	terimaan1@ptpk.gov.my dan Penguatkuasaan-Pay@ptpk.gov.my

5.0 Senarai Semak Dokumen Email

5.1 Senarai semak lampiran imej dokumen yang perlu dikemukakan bersama pemakluman bayaran adalah seperti berikut:-

Bil	Jenis Bayaran	Imejan Dokumen
1	Pendaftaran PL baharu / pembaharuan pendaftaran PL	i. Resit transaksi perbankan internet : atau ii. Deposit slip bank ; dan iii. Borang Bayaran Fi
2	Tuntutan pemulangan bayaran balik yuran latihan kemahiran pelatih ke Cawangan Penguatkuasaan	i. Resit transaksi perbankan internet : atau ii. Deposit slip bank ; dan iii. Surat Tuntutan Bayaran Balik PTPK; dan iv. Senarai nama pelatih beserta maklumat no. kad pengenalan, no. fail pinjaman pelatih dan jumlah pemulangan bayaran bagi setiap pelatih. Cth: Nama pelatih No. K/P No. Fail pinjaman Amaun (RM)

5.2 Nombor rujukan transaksi deposit (slip bank deposit / resit transaksi perbankan internet) bank hendaklah dinyatakan dengan jelas dan lengkap bagi tujuan pengesahan bayaran.

5.3 PL hendaklah memastikan slip deposit **asal** / resit transaksi Perbankan Internet dan **salinan** Borang Bayaran Fi bagi pendaftaran PL baharu atau pembaharuan pendaftaran PL / Surat Tuntutan Pemulangan Yuran Latihan Kemahiran Pelatih daripada PTPK hendaklah dikemukakan kepada PTPK dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tamat tempoh PKP dengan (U/P:SEKSYEN TERIMAAN).

6.0 Resit Pembayaran

6.1 PTPK akan membuat semakan dan mengemukakan salinan resit pembayaran secara mel elektronik kepada PL selepas jumlah pembayaran BERJAYA dikreditkan ke dalam akaun bank PTPK di dalam tempoh PKP ini.

6.2 Resit asal akan dikemukakan melalui serahan pos kepada PL setelah tamat tempoh PKP.

7.0 Pemulangan Semula Bayaran

Mana-mana tuntutan semula bayaran yang diterima daripada PL akan dibuat pelarasan terlebih dahulu ke atas hutang-hutang tertunggak lain sekiranya perlu oleh PTPK. Tempoh pemulangan semula hanya akan dibuat selepas tamat tempoh PKP.

8.0 Kelulusan Pendaftaran dan Pelepasan Pembekuan PL

Proses kelulusan dan pelepasan pembekuan PL akan diproses di peringkat Cawangan Pendaftaran & Penentusahan dan Cawangan Penguatkuasaan PTPK.